

Persisi akan hantar pesilat2 ke Belanda

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) akan menghantar satu rombongan perintis ke Belanda pada Oktober ini, sebagai persiapan awal bagi pertandingan silat antarabangsa, yang dijangka diadakan di salah sebuah negara Eropah.

Rancangan untuk mengadakan lawatan itu dibuat ekoran dari tawaran Persatuan Pencak

Silat Belanda, semasa perwakilan Persisi berada di Jakarta pada bulan lalu.

Ketika itu mereka menyertai *Festival Olahraga dan Festival Seni Bela Diri Pencak Silat Internasional*, anjuran Persatuan Silat Antarabangsa (Persilat).

**10 JAN 1985
Ceramah**

Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari H.M. Uff, memberitahu Nadi **Bela** bahawa seramai 12

orang anggota terbaik persatuan itu akan dipilih untuk mengikuti rombongan tersebut.

Dalam 1982, seramai empat orang anggota Persisi telah mengadakan persembahan permainan silat di dua buah bandar Arab Saudi, iaitu Dharan dan Jeddah.

Dalam lawatan kali ini, Persisi akan mengadakan pertunjukan dan persembahan silat di samping memberikan ceramah mengenai silat kepada

para peminat seni silat di negara tersebut.

Mereka dijangka berada di sana selama 10 hari.

Encik Johari selanjutnya berkata tawaran dari persatuan silat Belanda itu diterima memandangkan lawatan seumpama itu akan memberikan faedah kepada perwakilan Persisi, yang akan menyertai Pertandingan Silat Antarabangsa yang ketiga, dalam 1986.

Sebanyak tiga anggota bersekutu Persilat iaitu

dari Australia, Jerman Barat dan Belanda telah menawarkan agar pertandingan silat antarabangsa ketiga diadakan di negara mereka.

Memandangkan hal itu, Persisi berpendapat bahawa para perwakilan yang akan mewakilinya harus dapat menyesuaikan diri dengan keadaan di Eropah dan melihat sendiri cara mereka menjalankan latihan.

Encik Johari berkata pesilat di Eropah berlatih selama 10 jam seminggu, berbanding dengan hanya dua jam bagi pesilat Singapura.

Encik Johari menambah kekalahan perwakilan dari Singapura dalam pertandingan silat antarabangsa di Jakarta yang baru lalu disebabkan oleh saiz badan yang besar para peserta dari Barat.

Ramai dari anggota perwakilan Singapura dikalahkan oleh perwakilan dari negara-negara tersebut.

Sesuai dengan rancangan itu, Persisi kini sedang melakar satu rancangan untuk mendapatkan kewangan bagi menajayakan rancangannya dalam Oktober ini.

Pertama, ia akan mengadakan satu ekspo bagi mendapatkan sumber kewangan, di samping cuba mendapatkan bantuan kewangan dari syarikat-syarikat, orang perstapangan dan sebagainya.

**10 JAN 1985
Cabaran**

Pada masa yang sama, ia akan juga menubuhkan dua pasukan silat yang terdiri dari silat olahraga dan silat seni, untuk menjalani latihan yang secukupnya.

Sejajar dengan itu, Persisi akan mengadakan *Festival Silat Kebangsaan* pada 15 dan 16 Ogos ini, untuk memilih wakil-wakil yang dirasakan layak menyertai rombongan perintis ke Belanda itu.

"Walaupun 1986 merupakan jangka masa yang agak lama, Persisi akan menyalpkan diri untuk bertanding dalam pertandingan yang lebih besar, yang penuh dengan cabaran itu," katanya lagi.